KENYATAAN MEDIA

PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI

MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET PEMBANGUNAN SUKAN BIL.2/2024

Hari ini saya mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sukan bilangan 2 bagi tahun 2024. Mesyuarat turut dihadiri YB Menteri Belia dan Sukan, Menteri Wilayah Persekutuan, Menteri kesihatan, Timbalan-Timbalan Menteri dan Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.

Mesyuarat hari ini telah menerima satu kertas cadangan dan satu kertas makluman. Seperti yang diputuskan ketika mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Teringgi (High Level Committee, HLC) yang diadakan pada 11 Januari 2024 lalu untuk membangunkan industri sukan, satu perancangan yang yang holistik perlu diwujudkan. Justeru, mesyuarat hari ini diberitahu satu inisiatif pembangunan bakat dalam kalangan anggota badan-badan beruniform seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) telah digerakkan. Inisiatif ini perlu supaya ia seiring dengan keperluan sukan semasa seterusnya bagi mewujudkan satu ekosistem sukan berprestasi tinggi yang dinamik.

Sehubungan itu, mesyuarat hari ini memutuskan KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) berperanan untuk menjalinkan kerjasama strategik bersama-sama badan beruniform secara berperingkat. Ahli mesyuarat bersetuju supaya beberapa elemen perlu diberi perhatian seperti:

i. Bantuan peralatan latihan dan sewaan pusat latihan agar sesi latihan dapat dilakukan secara efisyen.
ii. Penganjuran kursus kejurulatihan dan sains sukan dalam kalangan pegawai dan anggota beruniform supaya lebih ramai jurulatih dari kalangan badan beruniform yang memiliki sijil yang diiktiraf.

iii. Penganjuran kejohanan tempatan dan penyertaan kejohanan dalam dan luar negara supaya bakat-bakat ini dapat didedahkan dengan lebih banyak pertandingan di peringkat tempatan dan atarabangsa.

Dalam pada itu, badan-badan beruniform juga perlu berperanan secara aktif dan memberi fokus kepada beberapa cadangan jenis sukan yang boleh diberi perhatian. Pemilihan jenis sukan dari agensi uniform seperti sukan sepak takraw (BOMBA dan ATM), karate (ATM), tinju dan ping pong (ATM), angkat berat (BOMBA), menembak dan memanah (ATM dan PDRM) turut mendapat perhatian ahli mesyuarat.

Mesyuarat juga bersetuju untuk meletakkan anggota-anggota unit beruniform lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Angkatan Pertahahan Awam Malaysia (APM), turut dimasukan dalam di bawah program Pembangunan Bakat Sukan Dalam Kalangan Badan Beruniform.

Akhir sekali, saya menggesa supaya satu kerjasama bersepadu antara semua pihak termasuk kementerian / jabatan / agensi kerajaan, pihak swasta, NGO, ahli akademik dan setiap yang terlibat termasuk masyarakat adalah sangat diperlukan dalam usaha membangunkan ekosistem sukan untuk membangunan dan meletakkan nama Malaysia gah di persada dunia dalam acara sukan.

Ahmad Zahid Hamidi
Timbalan Perdana Menteri
Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan
28 Oktober 2024